



**KENYATAAN MEDIA
YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**LANGKAH TAMBAHAN PERINTAH KAWALAH PERGERAKAN PEMULIHAN
(PKPP) NEGERI PAHANG**

1. Pada ketika ini, kadar jangkitan COVID-19 di Negeri Pahang adalah terkawal.
2. Kerajaan Negeri telah bersetuju berkuatkuasa serta-merta dan sehingga dimaklumkan kelak, langkah kawalan tambahan seperti berikut akan dilaksanakan:

a. Arahan Penutupan Premis

Mana-mana premis yang didapati melanggar had masa operasi dan SOP PKPP yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, pihak berkuasa tempatan boleh mengenakan tindakan menutup premis selama tiga (3) hari bagi kesalahan kali pertama diikuti penutupan premis selama tujuh (7) hari bagi kesalahan kali kedua dan penutupan selama empat belas (14) hari bagi kesalahan kali ketiga. Penguatkuasaan tindakan ini adalah berdasarkan peruntukkan dibawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

b. Perhimpunan Dan Majlis Kenduri/Keraian

Kehadiran untuk mana-mana perhimpunan atau majlis kenduri/keraian dihadkan kepada 100 orang pada satu-satu masa. Pihak Berkuasa Tempatan dan PDRM akan melakukan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan termasuk tangkapan terhadap penganjur atau tuan rumah majlis tersebut.

Bagi kenduri perkahwinan, penganjur atau tuan rumah hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu untuk mengadakan majlis kenduri kahwin menggunakan borang yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP) melalui Pejabat Agama Daerah masing-masing.

Bagi upacara keraian perkahwinan bukan islam permohonan boleh dibuat melalui Pejabat Daerah dan Tanah masing-masing.

c. Kes Positif COVID-19 dan Kontak Rapat (CC)

Mana-mana premis yang didapati mempunyai kes positif COVID-19 akan ditutup selama tiga (3) hari untuk untuk kerja-kerja sanitasi manakala premis yang dihadiri oleh kontak rapat kes positif COVID-19 melebihi 10% akan diarahkan tutup selama empat belas (14) hari.

d. Penarafan Bintang Bagi Premis Yang Mematuhi SOP PKPP (*Star Rating*)

Pihak Berkuasa Tempatan akan membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas setiap premis perniagaan dan akan melaksanakan penarafan bintang bagi menggalakkan pematuhan SOP di sepanjang tempoh PKPP mulai 29 Oktober 2020.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK
YB Setiausaha Kerajaan Pahang
28 Oktober 2020